

10 JANUARI 2018

Sekat keluar ketum RM107, 825



DAUN ketum yang dirampas Pasukan SRS Bukit Kayu Hitam, semalam.

Padang Terap: Markas 6 Briged melalui Pasukan 5 Rejimen Sempadan (SRS) Bukit Kayu Hitam menggagalkan cubaan menyeludup 1,135 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM107,825 ke negara jiran, petang semalam.

Panglima 6 Briged, Brigedier Jeneral Abdul Aziz Ismail berkata, rampasan itu dibuat hasil tindakan pantas sepasukan anggota yang melakukan tugas rondaan di Pos Sahara di sini, melakukan pemeriksaan sejurus mengesan kehadiran dua kenderaan pacuan empat roda dalam keadaan mencurigakan di situ.

Beliau berkata, pasukan

Sekat keluar ketum **RM107,825**

diketuai Sarjan Che Amat Abdul Kadir bersama tujuh anggotanya menghampiri kenderaan terbabit untuk tujuan pemeriksaan namun dua pemandunya bertindak melarikan diri.

"Kami turut merampas kedua-dua kenderaan pacuan empat roda itu dengan anggaran nilai RM80,000 dan jumlah keseluruhan rampasan RM187,825.

"Permulaan yang baik untuk tahun baru ini apabila pasukan 5 RS menunjukkan

komitmen memberangsangkan hingga menumpaskan aktiviti penyeludupan daun ketum," katanya.

Abdul Aziz berkata, semua rampasan diserahkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Terap untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Padang Terap, Superintendan Noh Idris mengesahkan menerima laporan berhubung rampasan daun ketum itu dan siasatan lanjut masih dijalankan.